

18 OCT 2001

Chua-Aids

RM15 JUTA DIPERLUKAN UNTUK BELI UBAT AIDS, KATA CHUA

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- Kerajaan bercadang untuk memberi ubat-ubatan secara percuma kepada pesakit HIV/Aids yang berada dalam peringkat akhir penyakit itu dan memerlukan RM15 juta untuk tujuan berkenaan.

Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng berkata, peruntukan sedia ada sebanyak RM4 juta adalah tidak mencukupi untuk membeli ubat "antiretroviral" bagi terapi pesakit HIV/Aids.

Majoriti pesakit sekarang dirawat dengan satu ubat sahaja iaitu "Zidovudine" yang menelan belanja RM3 juta daripada RM4 juta itu.

Cadangan memohon peruntukan berkenaan dibuat selepas Mesyuarat ke-5 Jawatankuasa Peringkat Menteri Mengenai Aids yang diadakan di sini, hari ini dan dihadiri oleh 14 Menteri atau Timbalan Menteri, Majlis Aids Malaysia dan beberapa agensi berkaitan.

Jawatankuasa Peringkat Menteri Mengenai Aids ditubuhkan pada tahun 1992 dan ditugaskan oleh Kabinet untuk menggubal cara-cara membanteras HIV/Aids dan berfungsi sebagai penasihat kepada Jemaah Menteri dalam semua hal berkaitan dengan pencegahan, kawalan dan pengurusan penyakit itu.

"Saranan daripada mesyuarat supaya peruntukan lebih tinggi antara RM4 juta dan RM15 juta dipohon ialah supaya mereka yang memasuki peringkat akhir Aids diberi triple therapy secara percuma," katanya kepada pemberita.

Chua berkata pesakit yang menjalani rawatan menggunakan tiga jenis ubat (triple therapy) perlu menanggung kos sebanyak RM1,400 sebulan dan ini amat membebankan.

Bagaimanapun dengan kesanggupan syarikat multinasional menurunkan harga ubat antara 10 dan 68 peratus baru-baru ini bagi pesakit HIV/Aids, kos yang perlu ditanggung pesakit bagi pembelian ubat kini sebanyak RM1,000 sebulan.

Pada mesyuarat itu juga, Chua berkata persetujuan dicapai supaya klinik-klinik yang menawarkan saringan percuma bagi orang awam, pelatih pusat serenti dan banduan yang kini berjumlah 30 buah di seluruh negara, diperbanyakkan lagi.

"Kerajaan juga akan memperluaskan mesej kepada orang ramai terutama pesakit Aids bahawa walaupun Aids membunuh tetapi masih ada ubat yang berkesan untuk merawatnya bagi tujuan memanjangkan tempoh hayat seseorang pesakit itu," katanya.

Kerajaan harus terus menyampaikan mesej bahawa pesakit Aids masih mempunyai harapan supaya mereka tampil untuk menjalani saringan dan menerima rawatan serta terapi.

Chua berkata, pada masa yang sama, kerajaan juga akan membuat kajian bagi mencari rawatan dan ubat-ubatan alternatif bagi virus itu selaras dengan cadangan yang dikemukakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa mesyuarat Kabinet semalam.

"Sebagai contoh, ada ubat herba dari India yang didakwa boleh membantu mereka dengan Aids dan kita perlu mengkaji ini dan juga apa sahaja rawatan dalam pasaran," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Chua berkata satu persidangan khas HIV/Aids peringkat ketua-ketua Negara Asean akan diadakan sebagai menyahut saranan Dr Mahathir.

"Hasil daripada inisiatif Malaysia dalam proses persiapan persidangan ini, satu deklarasi mengenai HIV/Aids dijangka diperakui oleh ketua-ketua Negara Asean sempena Persidangan Ketua-Ketua Negara Asean di Brunei pada 5 Nov ini," katanya.

Deklarasi itu, menurut Chua, akan memantapkan lagi kerjasama rantau Asean mengenai HIV/Aids terutama dalam aspek berkaitan "mencapai ubat yang mampu, pertukaran pengalaman dan strategi berjaya serta isu-isu trans-nasional".

-- BERNAMA
ZAI AHH PR